

Hukum bersalin dengan doktor lelaki

Bergantung kepada keadaan darurat atau sebaliknya

BERSALIN dengan doktor lelaki secara tidak sengaja atau dengan rela hati perlu dilihat dalam dua perspektif iaitu situasi darurat dan tidak darurat.

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nik Salida Suhaila Nik Saleh berkata, bagi situasi tidak darurat, hukumnya haram mengikut ulama terkenal Arab Saudi, Syeikh Abdullah Abd. al-Rahman al-Jibrin.

Manakala Syeikh Wahbah al-Zuhayli dan Jawatankuasa Tetap Kajian Ilmiah dan Fatwa Arab Saudi dalam satu fatwa yang dipengerusikan oleh Syeikh Ibn Baz memutuskan bahawa doktor lelaki tidak diharuskan menguruskan perbidanan wanita.

"Walau bagaimanapun, dalam situasi darurat, iaitu apabila rawatan tersebut memang memerlukan kepakaran daripada doktor lelaki dan tiada doktor wanita yang boleh menjalankan tugas tersebut, hukumnya ialah harus.

"Hal ini diputuskan oleh Jawatankuasa Tetap Kajian Ilmiah dan Fatwa Arab Saudi dalam satu fatwa yang dipengerusikan oleh Syeikh Ibn Baz dan dianggotai oleh Syeikh Bakr Abd. Allah Abu Zayd (1429 H), Syeikh Abd. al-Aziz Abd Allih Alu Shaykh, Syeikh Ali Fawzan al-Fawzan dan Syeikh Muammad Nair al-Din al-Albani (1420 H).

Nik Salida Suhaila berkata, melihat kepada situasi semasa, sudah banyak hospital swasta yang mempunyai doktor pakar wanita dalam bidang sakit puan dan boleh membidani wanita yang bersalin.

"Justeru, bagi wanita yang mampu, mereka harus memilih untuk bersalin di hospital swasta dengan doktor wanita. Namun, jika tidak mampu, tidak mengapa jika tidak memilih untuk bersalin di hospital tersebut, kerana situasi ini boleh dikatakan darurat kepada mereka.

"Jika mampu, memilih untuk bersalin

ANAK dalam kandungan perlu dijaga sebaik mungkin kerana ia adalah amanah Allah.



NIK SALIDA SUHAILA
NIK SALEH

di hospital swasta tetapi memilih doktor lelaki, ia kembali kepada jawapan di atas, iaitu situasi tidak darurat yang menyebabkan hukumnya haram atau tidak harus mengikut pandangan ulama.

"Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamed Al-Bakri berkata, bahawa tidak logik lagi pada hari ini sekiranya tugas untuk menyambut kelahiran bayi tidak boleh diberikan kepada doktor wanita sepenuhnya kerana pada masa ini jumlah doktor wanita di bahagian perbidanan sudah ramai," katanya.



Walau bagaimanapun, dalam situasi darurat, iaitu apabila rawatan tersebut memang memerlukan kepakaran daripada doktor lelaki dan tiada doktor wanita yang boleh menjalankan tugas tersebut, hukumnya ialah harus."

Amalan sunat sambut kelahiran bayi

ANAK adalah anugerah terindah daripada Allah. Sebagai ibu bapa Muslim perkara tersebut akan menjadi lebih bermakna jika kelahiran anak itu disambut mengikut syariat dan amalan-amalan yang disunatkan dalam Islam.

AZAN DAN IQAMAT

Sejurus selepas kelahiran anak, disunatkan kepada bapa atau walinya untuk memperdengarkan bacaan azan di telinga kanan dan iqamat di telinga kiri anak.

MENCUKUR RAMBUT

Sunat mencukur rambut bayi secara licin pada hari ketujuh kelahirannya. Kemudian rambut tersebut ditimbang dan disedekahkan nilai beratnya kepada fakir miskin.

MEMBERIKAN NAMA ANAK

Ibu bapa juga disunatkan memberikan nama anak pada hari pertama atau ketujuh. Islam menggalakkan nama tersebut mempunyai maksud yang baik.

AKIKAH

Majoriti ulama termasuk mazhab Shafie menggalakkan ibu bapa melakukan akikah kepada anak mereka kerana hukumnya adalah sunat. Majoriti ulama menyatakan untuk anak lelaki, dua ekor kambing, sementara anak perempuan seekor kambing. Disunatkan melaksanakan akikah pada hari ketujuh. Akan tetapi boleh dilanjutkan sehingga mampu. Sunat hukumnya akikah ini tertakluk kepada kemampuan. Sekiranya kemampuan itu sampai ketika usia dewasa, maka pahala akikah akan tetap diperoleh.